Teori ini menekankan kepada tiga kompenan utama iaitu pengkarya, karya dan khalayak. Pengkarya adalah orang yang menghasilkan sesuatu karya sama ada karya sastera atau pun karya non-sastera. Karya pula adalah hasil karangan yang diusahakan oleh pengkarya.Manakala khalayak adalah orang yang menikmati karya yang dihasilkan oleh pengkarya(Maniyam Ibrarim, 2005). Ketiga-ketiga kompenan ini semuannya berfokuskan kepada mentauhidkan Allah s.w.t. Oleh itu pengkarya mestilah seorang yang bertakwa serta arif dengan persoalan karya yang hendak disampaikan.Karya yang terhasil pula perlu mencerminkan kesempurnaan Allah s.w.t. sebagai Tuhan penguasaan alam.Akhirnya, karya tersebut mampu memberi pendidikan kepada khalayak serta menarik mereka untuk mendekatkan dirinya kepada Allah s.w.t. Shafie Abu Bakar telah mengutarakan tujuh perinsip teori takmilah seperti berikut(Shafie Abu Bakar, 2000):

### 1. Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat *Kamal*

Bagi melahirkan karya sastera yang berunsur Islam, sesebuah karya itu perlu fokus terhadap prinsip atau falsafah tauhid. Ini kerana kehidupan manusia perlu kepada tauhid, kepentingannya lebih penting daripada kepentingan duniawi kerana ia menyentuh kepada persoalan-persoalan pokok yang berkaitan dengan

[286] Shafie Abu Bakar merupakan anak kelahiran Paka, Dugun, Terengganu, yang dilahirkan pada 27 Mei 1942. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu, Kampung Nyiur, Paka, Terengganu (1949-1955) dan di Sekolah Arab Kuala Berang (1956-1958). Kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Agama (Arab) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan berjaya lulus dalam Ibtidai 5 dan Thasawi 9. Kerana minat yang mendalam dalam menuntut ilmu, beliau terus belajar secara bersendirian sehingga berjaya lulus dalam Sijil Rendah Pelajaran (1964), Sijil Pelajaran Malaysia (1966) dan Sijil Tinggi Pelajaran (1969). Pada tahun 1970 beliau menyambung pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia dan berjaya memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian kelas satu (1974). Pada tahun 1975 beliau berjaya memperolehi Diploma Pendidikan dari universiti yang sama. Tidak berhenti di situ, beliau terus melanjutkan pelajaran sehingga berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Persuratan (1977) dan Ijazah Doktor Falsafah (1991) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kerana pengalaman serta kepakaran beliau yang banyak dalam dunia sastera sehingga beliau pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Istilah Kesusasteraan, Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia, MABBIM, Ahli Jawatankuasa Persatuan Pengajian Melayu, Panel Hadiah Sastera Berunsur Islam anjuran Yayasan Pelajaran Islam Malaysia dan DBP, Panel Peraduan Novel Darul Iman anjuran Kerajaan Negeri Terengganu, Panel Hadiah Sastera Malaysia, dan lain-lain lagi.



2nd International Islamic Heritage Conference 2017

kewujudan insan (Abu Bakar Samsina Abd Rahman, 2001). Oleh kerana itu prinsip pertama ini dihubungkaitnya dengan sifat Kamal Allah s.w.t. Sifat Allah s.w.t. ini mampu diterapkan serta diterjemahkan ke dalam karya sastera. Natijahnya, ia mampu menghasilkan karya sastera yang dapat menarik khalayak untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. (Maniyam Ibrarim, 2005).

**2. Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Yang Kamil**

Prinsip takmil yang kedua adalah prinsip kerasulan sebagai insan yang Kamil. Prinsip ini mengambil contoh Rasulullah s.a.w. sebagai model insan Kamil kerana ideal keinsanan Baginda s.a.w. yang bersifat Kamil serta jiwa Baginda yang paling dekat dengan Allah s.w.t. (Maniyam Ibrarim, 2005). Objektif prinsip ini adalah membentuk karya sastera yang mampu berperanan meningkatkan kualiti keinsanan setiap insan, serta pemangkin dalam membentuk insan sebagai seorang Khalifah dan Rabbani. Prinsip ini merujuk kepada tiga konsep ideal utama yang merujuk kepada keinsanan yang ada dalam diri Rasulullah s.a.w iaitu insan Kamil, insan Khalifah dan insan Rabbani (Shafie Abu Bakar, 2000).

Insan Kamil adalah merujuk kepada manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. di muka bumi ini. Manakala insan Rabbani pula merujuk kepada peningkatan ketakwaan manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. Gabungan antara insan Khalifah dan insan Rabbani akan membentuk insan Kamil yang bertakmilah. Secara jelasnya prinsip ini mampu menghasilkan karya sastera yang dilihat sebagai bahan pendidikan yang berguna kepada khalayak. Serta mampu menjadi santapan jiwa manusia agar berupaya mendukung amanah Allah s.w.t. dalam membentuk insan Khalifah dan insan Rabbani yang lebih *ahsan* (Maniyam Ibrarim, 2005).

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

**3. Prinsip Keislaman Yang Bersifat Akmal**

Prinsip takmilah yang seterusnya adalah prinsip keislaman yang bersifat Akmal. Prinsip ini merujuk kepada agama Islam yang bersifat Akmal serta dengan menjadikan Islam sebagai model ilmu yang paling sempurna. Ini kerana kesempurnaan Islam bergantung kepada akidah dan syariat yang betul, agar dapat mengatur cara hidup Islam yang syumul (Shafie Abu Bakar,2000). Objektif prinsip ini adalah bertujuan menghasilkan karya sastera yang mampu mentakmilah diri setiap insan khususnya yang berkaitan dengan *hablun minallah* (hubungan dengan Allah s.w.t.) dan *hablun minannas* (hubungan dengan manusia). Bagi memenuhi objektif prinsip ini sebuah karya sastera perlu menerapkan unsur-unsur Islam yang bersifat Akmal. Akmal di sini bermaksud bahawa agama Islam merupakan agama yang sempurna dan menjadi panduan kepada setiap manusia untuk menjalani kehidupan yang lebih baik dan bahagia (Maniyam Ibrarim, 2005).

**4. Prinsip Ilmu Dengan Sastera Yang Bersifat Takamul**

Prinsip teori keempat ini dikaitkan dengan kepentingan ilmu yang bersifat Takamul. Pengkarya perlu menghasilkan karya sastera yang mempunyai hubungkait dengan ilmu. Ini kerana ilmu mempunyai pertalian dengan fakulti diri

yang penting khususnya akal dan hati (Shafie Abu Bakar, 1997). Ini kerana akal ialah alat yang paling utama dalam mencapai keilmuan khususnya sesuatu yang alamiah dan rasional sifatnya. Manakala hati pula merupakan saluran ke arah keilmuan yang rohani sifatnya yang dikenali dengan makrifat (Samsina Abd Rahman, 2001). Objektif prinsip ini adalah bagi melahirkan karya sastera yang bersifat ilmiah dan bermaklumat. Serta dapat melahirkan karya yang mampu memberi manfaat kepada khalayak. Seorang pengkarya yang berintelektual mampu menghasilkan karya yang bersifat ilmiah bagi melahirkan khalayak yang berilmu.

**5. Prinsip SasteraYang Berciri Estetik dan Bersifat Takmilah**

Bagi prinsip kelima ini melihatkan hubungan antara takmilah dengan sesebuah karya (Maniyam Ibrarim, 2005). Objektif prinsip ini adalah melahirkan sesebuah karya yang mempunyai nilai estetik dan menepati konsep takmilah serta menjurus kepada proses penciptaan dan pembinaan karya sastera secara kreatif, indah dan sempurna (Samsina Abd Rahman, 2001).Bagi merealisasikan objektif ini, prinsip ini menekankan tentang pembahasan berkaitan dengan peningkatan mutu kesempurnaan sesebuah karya dari aspek keindahan lahiriah mahupun keindahan maknawi.Ini kerana dengan kesempurnaan dua aspek itu tersebut sesebuah karya itu telah berjaya memenuhi nilai estetik dan menepati konsep takmilah (Maniyam Ibrarim, 2005).

Aspek keindahan lahiriah menyentuh soal teknik, bentuk, struktur dan stilistik (gaya bahasa) yang dapat dilihat secara luaran.Keindahan lahiri perlu dilihat dari perspektif sastera Islam.Apa sahaja bentuk-bentuk yang dihasilkan boleh diterima jika ia mampu diisi dengan nilai-nilai Islam.Manakala aspek keindahan maknawi pula merujuk kepada mesej, pemikiran, sudut pandangan dan penggunaan unsur-unsur seperti alegori, metafora, citra, simile, personifikasi dan simbol-simbol tertentu. Keindahan maknawi perlu diterapkan dengan nilai Islam yang berkaitan dengan Allah s.w.t. sebagai pencipta yang kamal sifatnya serta Rasulullah s.a.w. sebagai insan al-Kamil dan Islam sebagai agama yang sempurna lagi syumul serta menyempurnakan kehidupan manusia dan alam seluruhnya sama ada di dunia ini mahupun di akhirat nanti (Samsina Abd Rahman, 2001).

**6. Prinsip Pengkarya Seharusnya Mengistikmalkan Diri**

Pada prinsip keenam ini, ia menjerumuskan berbincangannya kepada diri pengkarya. Setiap pengkarya mampu memenuhi tanggungjawapnya sebagai khalifah Allah s.w.t. di muka bumi ini. Pendekatan yang boleh diambil oleh setiap pengkarya dalam menyampaikan dakwah adalah melalui hasil-hasil karya mereka. Oleh itu bagi memenuhi objektif ini, syarat wajib dan utama adalah pengkarya mesti seorang yang beragama Islam. Manakala dari segi pendidikan, keluarga dan proses sosialisinya mereka ini mestilah seorang yang alim dan berilmu dari segi penguasai ilmu-ilmu Islam serta memiliki ilmu-ilmu yang berkaitan sastera (Maniyam Ibrarim, 2005).

Penguasaan ilmu-ilmu Islam ini merujuk kepada ilmu-ilmu keislaman yang bukan sahaja berbentuk asas malah ia perlu lebih khusus dan mendalam

serta seterus ia mampu mempraktikan di dalam kehidupan seharian (Samsina Abd Rahman, 2001). Manakala dalam penguasaan ilmu-ilmu sastera ia pula merujuk kepada bidang sastera secara umum, teori dan kritikan sastera serta ditambah dengan ilmu-ilmu lain yang meluaskan lagi kefahaman tentang sastera dan membantu mengaplikasikannya menurut kesesuaian dengan sastera Islam (Shafie Abu Bakar, 1997).

### 7. Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka Ke Arah Insan Kamil

Prinsip ketujuh teori takmilah ini ialah berprinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.Prinsip ini adalah prinsip yang terakhir dalam teori takmilah. Objektif prinsip ini adalah bertujuan bagi melahirkan karya-karya yang selari dengan saranan Islam iaitu setiap sastera Islam haruslah berunsur pendidikan, berdakwah dan mampu meningkatkan ketauhidan diri pembaca serta mampu menonjolkan kebesaran, kekuasaan dan kesempurnaan Allah s.w.t. (Maniyam Ibrarim, 2005). Agar hasilnya dapat memupuk khalayak pembaca ke arah pembentukan insan Kamil iaitu mencontohi peribadi terpuji dan akhlak mulia Rasulullah s.a.w. Bagi merealisasikan objektif ini semua prinsip teori takmilah perlu saling melengkapi dan bersepadu. Jika kesemua prinsip-prinsip ini dipatuhi dan praktikan hasilnya akan melahirkan sebuah karya sastera yang sempurna dan mampu membentuk khalayak yang memenuhi ciri-ciri insan (KamilSamsina Abd Rahman, 2001).

Kesimpulannya semua prinsip ini dihubungkaitkan dengan ketuhanan, kenabian, keislaman, keilmuan, karya, pengkarya dan khalayak.Selain itu ia mempunyai istilah masing-masing iaitu *Kamal, Kamil, Akmal, Takamul, Takmilah* dan *Istikmilah*.Istilah-istilah ini digunapakai dengan kesesuaian penggunaan prinsip-prinsip tersebut. Walaupun semua prinsip ini mempunyai istilah yang berbeza namun kesemuannya daripada kata dasar yang sama iaitu *Kamal* (sempurna) yang diambil daripada istilah "*takmilah*" (menyempurnakan).

## UNSUR-UNSUR TAKMILAH DALAM PROSES PENERBITAN FILEM ISLAM

Pengertian dan konsep filem Islam sebagai 'produk halal' perlu dilihat secara menyeluruh bermula daripada proses pra penerbitannya hinggalah kepada proses tontonannya. Ia tidak harus dilihat daripada aspek kandungan atau pengisian dan garapan sahaja. Ia perlu menjangkau kepada proses sebelum, semasa dan sesudah sesebuah filem itu dihasilkan dan seterusnya proses sebelum ia masuk ke panggung atau diedarkan untuk tontonan khalayak (Naim Haji Ahmad, 2010).

Sekiranya proses yang dibuat itu baik maka hasilnya adalah baik. Oleh itu, dalam hubungan ini sesebuah filem Islam yang dibuat secara keseluruhan perlulah bersandarkan kepada kod etika dan nilai Islam dalam proses pra penerbitan, proses penggambaran dan pasca penerbitan sehinggalah ke hasil penerbitan (Naim Haji Ahmad, 2010). Ini bersesuaian dengan takrif yang diberikan oleh Naim Haji Ahmad (2008), filem Islam adalah sebuah hasil seni, berbentuk 'produk halal', dihasilkan bermula dengan nama Allah dan niat baik

melalui proses pra penerbitan, penerbitan dan pasca penerbitan dengan pengisian dan garapan bersandarkan kod etika dan nilai Islam sehinggalah kepada proses edaran, tayangan dan tontonan khalayak bertujuan menerapkan nilai murni, menyebarluaskan dakwah Islamiah dan menegakkan amar makruf nahi mungkar.

## 1. Proses Pra Penerbitan

Fasa pertama dikenali sebagai pra penerbitan. Fasa ini adalah fasa dalam menyediakan dan memilih bahan-bahan mentah yang tepat dan sesuai seperti skrip, idea, dana, lesen atau keizinan membuat penggambaran, membentuk tatacara kerja, pemilihan lokasi serta artis, kru-kru, muzik dan sebagainya (Naim Haji Ahmad, 2011). Pada fasa ini pengkarya perlu melengkapkan diri dengan ilmu fardu ain dan kifayah. Serta pengkarya juga perlu menanamkan niat kerana Allah s.w.t. (Naim Haji Ahmad, 2008), serta bertujuan menjadikan filem tersebut sebagai pendidikan yang mampu mengajak khalayak (penonton) mematuhi dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. (Naim Haji Ahmad, 2006).

Dalam proses ini bukan pengkarya sahaja perlu mengistikmalkan diri malah skrip, lokasi dan pelakon juga perlu sama istikmal. Pemilihan skrip perlu dibuat pada skrip yang berkualiti, menarik, mempunyai unsur kesenian dan halal. Jika terdapat skrip yang mengandungi hujah syarak ia perlu disertakan dengan ayat Quran, hadis, kata-kata ulama muktabar atau nama-nama kitab yang menjadi rujukan (Naim Haji Ahmad, 2006). Manakala dalam pemilihan sutradara atau pelakon perlu mencari mereka yang bersesuaian dan mampu menghasilkan filem yang baik serta dengan cara yang halal (Naim Haji Ahmad, 2011).

Sebagai filem Islam, teks yang dihasilkan perlu bersih dari unsur-unsur yang haram dan bertentangan dengan Islam dari sudut akidah, syariah dan akhlak. Yusuf al-Qaradawi (2005) menegaskan bahawa semua perkara-perkara yang boleh membangkitkan hawa nafsu dan mencenderungkan seseorang melakukan perbuatan dosa atau yang boleh membawa kepada berbuat perkara yang ditegah Islam hukumnya adalah haram dan perlu dijauhi. Abdullah Yusof (2000) juga menegaskan bahawa agenda-agenda yang ingin ditayangkan dalam sesebuah filem perlu bersih dari berbau hedonisme, kegila-gilaan, kefasiqan dan semua hal yang bertentangan dengan akidah, syariat dan kesopanan Islam.

Manakala dalam pemilihan lokasi atau latar belakang pula ia perlu yang bersesuaian serta tiada unsur-unsur yang boleh mengaibkan agama Islam mahupun sesiapa sahaja. Lokasi yang dipilih atau dibentuk perlu terhindar dari unsur-unsur yang menakutkan, mengerikan atau memeranjatkan penonton. Hal ini kerana ia akan memberi kesan negatif kepada perkembangan pemikiran kanak-kanak yang baru meningkat naik. Pemilihan sepatutnya lebih berunsurkan motivasi, pendidikan, dayah, dakwah, menaikkan semangat, keinsafan dan penerangan-penerangan yang berunsur ilmiah (Abdullah Yusof, 2000).

Selain itu pemilihan lokasi tidak boleh memaparkan set atau prop yang melambangkan agama-agama lain atau seolah-olah memberi konotasi kepada gahnya agama lain sehingga mungkin akan disalah tafsirkan oleh penganut Islam atau penganut bukan Islam sehingga menimbulkan fitnah. Sebagai contoh dalam

IIHC 2nd International Islamic Heritage Conference 2017

drama *Natrah* yang dipentaskan di Panggung Negara adalah contoh yang boleh dikatakan. Dalam drama tersebut lambang salib begitu terserlah, kutipan kata-kata daripada *Bible* memenuhi ruang panggung dan di akhir babak drama tersebut tersergam patung *Jesus* yang seolah-olah berada di dalam sebuah gereja (Naim Haji Ahmad, 2011).

## 2. Proses Penerbitan dan Post Penerbitan

Fasa kedua adalah proses penerbitan dan post penerbitan, ia juga dikenali sebagai proses penggambaran (Fadlan Mohd Othman, 2011). Fasa ini adalah proses pembikinan filem atau penguli bahan-bahan mentah sehingga terhasilnya sesuatu produk. Dalam fasa ini pengkarya perlu tahu bagaimana cara untuk menguli bahan-bahan dalam fasa pertama mengikut kadar dan peraturan yang tepat, dengan kata lain tiada bahan campuran larangan hingga merosakkan bahan ulian tersebut. Jika ulian sebelum ini adalah cantik dan tepat maka hasilnya adalah baik, jika tidak hasil adalah sebaliknya.

Dalam proses ini karya yang dihasilkan perlu menerapkan prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, kerasulan sebagai insan yang kamil, keislaman yang bersifat akmal dan ilmu dengan sastera yang bersifat takamul. Sebagai contoh semasa proses penggambaran, ada beberapa perkara yang perlu dijaga seperti tidak membuka aurat, menjaga pergaulan artis serta tidak berlaku sebarang persentuhan di antara artis lelaki dan wanita yang bukan *mahram* dalam berlakon mahupun di luar penggambaran (Muhammad Rasyid Reda, 1970).

Selain itu dialog yang dilontarkan tidak menyalahgunakan ayat Quran atau hadis bagi menarik perhatian orang ramai (Mohd Yusof Hussain, 1988). Tidak memutarbelitkan fakta-fakta agama dalam dialog ataupun dalam lakonan, serta tidak menghina atau memburuk-burukan kesucian agama Islam, institusi Islam, pendidikan, ulama atau golongan agamawan dan adat budaya setempat (Abdullah Yusof, 2000). Oleh itu lakonan dan dialog tersebut tidak boleh melanggar syariat Islam (Yusuf al-Qaradawi, 1997) dan perlu mematuhi undang-undang serta perlembagaan Negara (Naim Hj Ahmad, 2011).

Manakala dari segi watak dan perwatakan pula pelakon tidak boleh melakonkan watak yang boleh merosakkan akidah (Naim Hj Ahmad, 2011) seperti artis yang beragama Islam melakonkan upacara perkahwinan agama Hindu atau seorang kafir (Fadlan Mohd Othman, 2011). Pelakon juga tidak boleh melakonkan watak sebagai para rasul, nabi, sahabat, isteri nabi (Islam Online, 2012) dan syaitan (Fadlan Mohd Othman, 2011) serta mengejek-ejek atau mempersendakan ulama Islam atau ahli keilmuan Islam (Abdullah Yusof, 2000). Malah pelakon juga tidak boleh melakonkan aksi ciuman, berasmara, adegan seks (Abdullah Yusof, 2000), berpakaian seksi atau berbogel, unsur-unsur syirik (Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsudin, 1992), melakonkan watak berlainan jantina, praktikal ibadah dengan cara yang tidak betul (Fadlan Mohd Othman, 2011) dan tidak mendatangkan kecederaan atau kemudaratan (Abdullah Yusof, 2000) terhadap pelakon mahupun kepada makhluk-makhluk lain. Secara keseluruhannya proses ini perlu terhindar dari unsur-unsur syubhah dan segala perkara yang telah jelas pengharamannya (Muhammad Rasyid Reda, 1970).

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Namun begitu setiap watak yang mempamerkan wanita dalam keadaan yang bertentangan dengan syarak iaitu dalam keadaan mendedahkan aurat atau pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan yang bukan *mahram*, hukumnya adalah haram dan dilarang (Muhammad Rasyid Reda, 1970). Selain itu persentuhan dan percampuran antara artis lelaki dan wanita yang bukan *mahram* perlu dielakkan bagi mengelak dari fitnah dan menolak syubhah (Yusuf al-Qaradawi, 2003). Pelakon juga disyaratkan tidak boleh mengganggu atau menyerang secara betul-betul kepada pelakon lain sehingga ia boleh membawa kepada kesusahan atau kemudaratan menurut Islam (Abdullah Yusof, 2000).

Filem yang mengisahkan para sahabat Rasulullah s.a.w. digalakkan, hal ini kerana ia mempunyai unsur dakwah serta mampu memberi pendidikan kepada penonton. Tetapi para pelakon tidak boleh melakonkan watak-watak ulama Islam atau ahli ilmuwan Islam dengan cara yang salah, hodoh dan menampakkan kebodohan atau dengan keadaan mengejek-ejek serta mempersendakan mereka kerana penampilan watak sebegitu akan menghina dan merendahkan keperibadian ulama sebenar, tambahan lagi ulama telah pun bersepakat dalam masalah ini hukumnya adalah haram (Abdullah Yusof, 2000). Malah dengan tegas Imam Ahmad bin Hanbal dan mereka yang sependapat dengannya telah mengkufurkan sesiapa yang menggelar serban orang alim dengan lafaz memperkecil-kecilkan yang bertujuan untuk menghina (Risalah, 1990).

## 3. Pasca Penerbitan

Fasa ketiga pula adalah fasa pasca penerbitan. Fasa ini merupakan proses sesudah filem itu siap, khususnya proses penilaian dan pratonton yang biasanya melibatkan media dan pihak-pihak tertentu sebelum filem tersebut diedarkan untuk tontonan khalayak (Naim Haji Ahmad, 2001). Proses ini bertujuan bagi menilai produk yang telah dihasilkan dari ulian sebelum ini agar ia benar berkualiti dan bersih dari unsur-unsur yang tidak diizinkan sebelum ia diedarkan kepada penonton.

Konteks di Malaysia proses pasca penerbitan ini adalah ‘proses penapisan filem’. Proses ini dilakukan oleh Lembaga Penapis Filem Malaysia (LPF). Secara umumnya proses penapisan ini dilakukan ke atas filem-filem tempatan dan mahupun luar yang ingin ditayangkan di Malaysia bagi menjaga keselamatan negara dan kehormatan kaum serta melindungi kepentingan negara dan rakyat daripada pengaruh buruk dan unsur-unsur negatif yang mungkin dipaparkan di dalam sesetengah filem yang tidak selaras dengan tuntutan prinsip-prinsip Rukun Negara. Kemasukan filem-filem luar tidaklah diharamkan sama sekali tetapi ia haruslah bersesuaian dengan iklim, suasana dan budaya negara ini (Naim Haji Ahmad, 2001).

Dalam fasa ini karya yang dihasilkan perlu dinilai dan diteliti supaya sebelum ia dibawa kepada khalayak ia mampu bercirikan sastera yang berciri estetik dan bersifat takmilah.Maka dengan itu filem yang telah menjalani proses penggambaran perlu dinilai dan ditapis agar ia bersih dari unsur-unsur seperti perkara yang boleh membangkitkan hawa nafsu (Yusuf al-Qaradawi, 1997) atau kelalaian kepada penonton, mendorong perlakuan jenayah, merosakkan minda

masyarakat, fitnah yang keterlaluan (Yusuf al-Qaradawi, 1997),kegilaan, kefasiqan (Abdullah Yusof, 2001) dan perkara-perkara yang bertentangan dengan akidah, syarak dan kesopanan Islam (Yusuf al-Qaradawi, 1997). Jika mana-mana filem tidak mampu mematuhi dan mengawalnya maka kunjungan ke pawagam adalah haram khususnya buat orang Islam (Yusuf al-Qaradawi, 1997).

**4. Hasil Penerbitan**

Fasa terakhir adalah fasa hasil penerbitan. Fasa ini juga dikenali sebagai proses edaran, tayangan dan tontonan. Fasa ini yang menentukan kesan filem tersebut. Jika ia benar-benar memenuhi prinsip-prinsiptakmilah yang ditetapkan sebelum ini maka filem itu mampu membawa prinsip dakwah Islam iaitu amar makruf nahi mungkar (Naim Haji Ahmad, 2008).

Fasa ini melibatkan tiga peringkat iaitu proses edaran, peringkat tayangan filem pawagam dan peringkat tontonan. Di fasa ini karya yang dihasilkan perlu menanamkan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil. Sebagai contoh dalam proses edaran perkara yang perlu dijaga adalah dari cubaan mengambil kesempatan dengan membuat rakaman kembali untuk mengaut keuntungan melalui kegiatan 'cetak rompak'. Perkara ini bertentangan dengan kod etika dan nilai keislaman serta menyalahi undang-undang negara terutama yang berkaitan dengan cetak rompak (Naim Haji Ahmad, 2008).

Manakala di peringkat tayangan filem pawagam pula, perkara yang perlu dijaga adalah tiada percampuran di antara lelaki dan wanita serta pergaulan bebas yang melampau sehingga menimbulkan fitnah dan terjadinya perkara syubhah (Muhammad Rasyid Reda, 1970). Selain itu penonton juga tidak boleh meremehkan perkara yang utama dan wajib hanya alasan menonton filem. Contoh mengabaikan solat Maghrib hanya kerana cerita di pawagam sedang ditayangkan (Yusuf al-Qaradawi, 1997).

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Seterusnya di peringkat tontonan, filem mampu menjadi risalah Islam (Mohd Yusof Hussain, 1988) yang berkesan dalam menyampaikan dakwah serta mengajak manusia kepada Allah s.w.t. termasuk ajaran Rasulullah s.a.w. Ia bukan sahaja dapat memberi faedah yang amat berguna pada umat Islam seluruhnya, malah ia dapat memberi peluang kepada golongan yang bukan beragama Islam bagi memahami agama Islam (Noor Shakirah Mat Akhir, 2006). Selain itu mereka dapat merasai keinsafan, melahirkan sifat keampunan, kesedaran diri dan keseronokan yang hala (Hassan Hayastani, 2009).

Sebagai seorang penonton mereka perlu tahu dalam memilih filem yang ingin ditonton. Filem yang memberi iktibar kepada masyarakat adalah harus dengan syarat tidak keterlaluan dari sudut akhlak Islam (Abdullah Yusof, 2000). Jika terdapat unsur-unsur yang bertentangan Islam maka tidak halal bagi seorang Muslim untuk menyaksikannya atau mendukung filem seperti itu. Hal ini kerana mereka termasuk di dalam kategori konspirasi dalam perbuatan dosa serta melahirkan permusuhan (Yusuf al-Qaradawi, 2005).

## KESIMPULAN

Filem adalah sebahagian daripada sastera. Pada awal pembikinan filem pemilihan pengarah, penerbit, artis, skrip, lokasi filem perlu bercirikan istikmal. Karya yang hendak dihasilkan perlu diniatkan kerana Allah s.w.t. Pengkarya perlu menguasai ilmu fardu ain dan kifayah, agar karya yang dihasilkan mampu mengajak penonton ke arah amar makruf nahi mungkar. Seterusnya di peringkat proses pengambaran pula pengarah, penerbit dan pelakon perlu menerapkan prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, kerasulan sebagai insan yang kamil, keislaman yang bersifat akmal dan ilmu dengan sastera yang bersifat takamul. Keempat-empat prinsip ini perlu ditekankan bersama-sama pada fasa ini. Skrip, lokasi dan watak yang dipaparkan perlu mentauhidkan Allah s.w.t., mengajak penonton mengikuti sunnah Rasullullah s.a.w., mencerminkan keindahan dan akhlak Islam serta menerapkan ilmu yang bermanfaat samada ilmu dunia atau akhirat. Manakala dalam proses pasca penerbitan, filem yang telah menjalani proses penggambaran perlu dinilai dan ditapis agar mesej yang sampai kepada penonton tidak bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Unsur ini dikenali sebagai bercirikan estetik dan bersifat takmilah. Akhir sekali dalam proses tayangan, filem yang ditonton itu mestilah mampu memupuk penonton ke arah insan kamil. Supaya mesej yang disampaikan mengajak manusia kepada Allah s.w.t. termasuk ajaran Rasulullah s.a.w.

## BIBLIOGRAFI


Abdul Ghani Samsudin et al. (2001), *Seni Dalam Islam*, Cet. 1, Selangor: Intel Multimedia and Publication.

Abdul Wahab Hamzah (2003), "Audien: Sikap dan Harapan Audien Filem Malaysia" dalam Ramli Mohamed (Eds.), *Sinema dan Penonton Di Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Abdulah Ab. Manaf (1999) "*Kumpulan Puisi Titir Zikir: Analisis Teori Takmilah"*, (Kertas Projek Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya).

Abdullah Said et al. (2011), *Teras Kemulian Islam*, Cet. 3, Melaka : Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM.

Abdullah Yusof (2000), Industri Hiburan dalam Islam : Analisis dari Sudut Persejarahan Awal dan Penilaian Hukum, dalam *Jurnal Syariah*, Jil. 8, Bil. 1, Kuala Lumpur : Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Abdullah Yusof et. al. (2010), "Konsep Feminisme Islam di dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih", dalam *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 5, Kuala Lumpur : Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Universiti Malaya.

Asiah Sarji et al. (1997), *Keadaan dan Permasalahan Penulisan dan Penulisan Skrip*, Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Asnaini (2008), *Zakat Produktif dalam Perspektif Hukum Islam*, Cet. 1, Yogyakarta :Pustaka Pelajar.

E. Dmytryk (1984), *On Screen Directing*, Boston: Focal Press.


2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsudin (1992), *Konsep Seni dalam Islam*, Cet.1, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Fadlan Mohd Othman (2011), Industri Lakonan dan Perspektif Islam, dalam Mohd Adib Mohd Sidek (Eds), *Majalah I*, Shah Alam: Grup Majalah Karangkraf Sdn. Bhd.

Hassan Hayastani (2009), *"Filem Sebagai Ar-Risalah : Metamorfosis Sinema Melayu"*, (Kertas Persidangan Forum Sastera Popular Islam di Pusat Dagangan Dunia Putra, 26 April 20019).

*Islam Online*, dalam *http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?pagename=IslamOnline-Arabic-Ask_Scholar/FatwaA/FatwaA&cid=1122528621302*, Diambil pada 28 November 2012.

Maniyam Ibrarim (2005), *Citra Takmilah Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*, Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.

Mohd Faizal P.Ramlee et al. (2011), *Tamadun Islam : Pemikiran dan Sejarah Perkembangan*, Melaka : Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM.

Mohd Yusof Hussain (1988), *Peranan Media Massa dalam Menyampaikan Risalah Islam*, Cet. 1, Serdang: Universiti Pertahanan Malaysia.

Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2002), "Kandungan dan Teknik: Unsur-unsur yang Mempengaruhi Filem Tempatan", dalam Ramli Mohamed (Eds.), *Sinema dan Penonton Di Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2002), *Dari Idea ke Skrin: Teknik Penerbitan Filem*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Muhammad Hatta Muhammad Tabut (2006), "Liku-liku Pembikinan Filem", dalam Mohamad Md. Yusoff et. al. (Eds), *Dinamika Media dan Masyarakat Malaysia*, Pulau Pinang : Penerbitan Universiti Sains Malaysia.

Muhammad Rasyid Reda (1970), *Fatawa al-Imam Muhammad Rasyid Reda*, Salah al-Din al-Munjid (Eds.), Beirut: Dar al-Kitab al-Jadidah.

N. M. A. Qurashi (2003), "Mengenali Sebuah Filem", Dalam Ramli Mohamed (Eds.), *Sinema dan Penonton Di Malaysia*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Naim Haji Ahmad (2006), *"Pembudayaan Budaya Filem dalam Pendidikan : Filem dari Aspek Aplikasi",* dalam Naim Haji Ahmad (Eds.), Bicara Media 1, Cet. 1, Nilai: Penerbit KUIM.

Naim Haji Ahmad (2008), *"Ke Arah Membentuk Definisi dan Konsep Islam",* (Kertas Persidangan Bengkel Falsafah dan Dasar Komunikasi Negara Berteraskan Islam Hadari di Universiti Kebangsaan Malaysia, Feb 2008).

Naim Haji Ahmad (2010), *"Ke Arah Membentuk Definisi dan Konsep Filem Islam"*, (Kertas Persidangan Bengkel Fiqh Penyiaran di Institusi Latihan Islam Malaysia, 6 Jun 2010).

Naim Haji Ahmad (2011), *Filem Islam Satu Pembicaraan*, Shah Alam : Uni-N Production Sdn. Bhd.

2nd International Islamic Heritage Conference 2017

Noor Shakirah Mat Akhir (2006), “Dakwah dan Cabaran Teknologi Maklumat”, dalam Mohamad Md. Yusoff et. al. (Eds.), *Isu dan Cabaran Media di Malaysia*, Pulau Pinang : Penerbitan Universiti Sains Malaysia.

Nursyazrin Nazree Mudeen (2012), Op. Cit.

*Risalah* Bil. (34) Dlm. MKB/6/1982 (Siri : 34/90), Edaran Pejabat Mufti Negara Brunei Darussalam, 4 Ogos 1990.

Samsuddin A. Rahimin (2003), *Komunikasi Asas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shafie Abu Bakar (1997), “Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip”, dalam Mana Sikana (Eds.), *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*, Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shafie Abu Bakar (2000), *“Nilai Dan Sastera Dalam Teori Takmilah”,* (Kertas Persidangan Seminar Teori Sastera Islam: Kaedah dan Penerapannya di Putrajaya, 16-28 September 2000).

Yusuf al-Qaradawi (1997), *al-Halal wa al-Haram fi al-Islami*, Kaherah : Maktabah Wahdah.

Yusuf al-Qaradawi (2005), *Fikih Hiburan* (terj.), Cet. 1, Jakarta: Pustaka al-Kauthar.

Yusuf al-Qaradawi (2006), “Menyanyi dan Muzik : Sudut Pandangan Islam”, dalam al-Muqari Othman Hamzah (Eds.), *Fatwa Menempuh Kehidupan Moden*, Petaling Jaya : Gading Kreatif.

Yusuf al-Qaradawi (2008), *al-Islamu Wa al-Fannu* (terj.), Cet. 3, Kuala Lumpur : al-Hidayah Publications.

2nd International Islamic Heritage Conference 2017